



Dr. M dan 2 bekas PM di Memorial Tun Razak

● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir (kiri)** tersenyum melihat permaldani yang dipikannya itu adalah warna kegemaran Allahyarham Tun Abdul Razak yang diserahkan oleh keluarga Allahyarham kepada Memorial Tun Abdul Razak di Sri Taman, Kuala Lumpur semalam.

Turut tersenyum

ialah bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj (tengah), Tun Hussein Onn (dua kanan) dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (tiga kiri).

Di sebelah Tun Hussein ialah bekas Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Sardon Jubir dan di belakang Datuk Musa ialah Tun Puan Raha, isteri Allahyarham

Tun Abdul Razak.

Rakyat akan berpeluang mengenal dengan lebih dekat jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak dengan terbukanya "Memorial Tun Razak" di Sri Taman mulai semalam.

Hari-hari melawat ialah Ahad, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat dan Sabtu dengan waktu melawat dari

pukul 9 pagi hingga 6 petang, ia ditutup pada hari Isnin.

Waktu-waktu melawat pada hari Jumaat dari 9 pagi hingga 12 tengah hari dan dari pukul 3 hingga 6 petang.

Kira-kira 650 koleksi Allahyarham dipamerkan di peringatn tersebut yang merupakan projek

pertama mengenang jasa seorang bekas Perdana Menteri.

Antara koleksi yang menarik perhatian para tetamu di majlis perasmian ialah kad pengenalan Allahyarham bernombor 09090904, keluaran tahun 1960.

Bilik tidur Allahyarham juga diabdikan dalam bentuk asalnya.